

30/01/2004

Tok Mat sudah puas tabur bakti untuk negara, parti

Misiah Taib

MOHAMED Rahmat atau lebih mesra dengan panggilan Tok Mat begitu sinonim dengan Umno serta Barisan Nasional (BN), parti yang setia disertainya sejak bergiat dalam politik 40 tahun lalu sehingga bersara pada 15 Januari lalu. Keputusan beliau mengejutkan banyak pihak, apa lagi dibuat ketika pilihan raya umum ke-11 dikatakan semakin hampir dan ketika Abdullah baru 76 hari mengambil alih pucuk kepemimpinan negara sebagai Perdana Menteri kelima. Wartawan Berita Harian, MISIAH TAIB mengadakan wawancara khas dengan Tok Mat.

BH: Pengumuman persaraan Tan Sri oleh Perdana Menteri pada 15 Januari lalu agak mengejutkan dan dibuat secara tiba-tiba, sedangkan Tan Sri sendiri tidak pernah menyatakan secara terbuka mahu bersara sebelum itu. Apakah ada desakan oleh mana-mana pihak?

Mohamed: Tidak sama sekali. Tidak ada desakan oleh sesiapa pun. Saya bersara secara 'gentleman' atas kerelaan sendiri. Sebenarnya saya memang bercita-cita hendak bersara pada usia 66 tahun, selepas 40 tahun aktif dalam politik.

Saya juga menyatakan hasrat saya itu kepada Pak Lah dua bulan sebelum beliau menjadi Perdana Menteri. Pada 24 Disember tahun lalu, sekali lagi saya berjumpa beliau untuk menyatakan hasrat itu.

Kalau Pak Lah kata beliau mahu kita 'bekerja bersama beliau bukan bekerja untuk beliau' ia tidak bererti kita terus pegang jawatan untuk menyumbang. Saya tetap setia menjadi ahli Umno dan menyokong perjuangan beliau walaupun tidak pegang apa-apa lagi jawatan sekarang.

Keputusan saya itu juga bertujuan memudahkan Pak Lah menyusun semula kerajaan dan parti di bawah kepemimpinan baru. Selayaknya Tan Sri Khalil Yaakob sebagai Setiausaha Agung Umno mengambil alih.

BH: Bukankah tradisi melantik Setiausaha Agung Umno sebagai Setiausaha Agung BN pernah dipraktikkan pada 1993?

Mohamed: Tradisi itu dirintis oleh Dr Mahathir. Waktu Tun Ghafar Baba bersara, saya yang ketika itu Setiausaha Agung Umno dilantik sebagai Setiausaha Agung BN. Jadi sayalah Setiausaha Agung Umno pertama turut memegang jawatan Setiausaha Agung BN.

Saya fikir ia satu 'arrangement' yang paling baik sebab Umno sebagai parti terkuat dalam BN harus pegang semua jawatan penting dalam BN - Presiden Umno menjadi Pengerusi BN, Timbalannya menjadi Timbalan Pengerusi BN dan Setiausaha Agungnya juga menjadi Setiausaha Agung BN. Sebagai parti tunjang, penting untuk Umno memegang jawatan penting ini.

BH: Mengapa Tan Sri memilih untuk bersara ketika pilihan raya semakin dekat. Tidakkah ia akan memberi kesan terhadap persiapan BN dalam menghadapi pilihan raya umum ke-11 ini?

Mohamed: Ia sebenarnya untuk kebaikan Umno dan BN. Dalam banyak hal, Umno yang membuat keputusan sebagai parti tonggak. Jadi lebih mudah kalau Setiausaha Agung Umno pegang jawatan Setiausaha Agung BN supaya keputusan lebih mudah dibuat dan dilaksanakan terutama menghadapi pilihan raya.

BH: Apakah tumpuan Tan Sri sekarang, selepas melepaskan semua jawatan dalam politik?

Mohamed: Saya mahu berehat dan menumpukan perhatian kepada keluarga yang sering saya tinggalkan sepanjang aktif dalam politik selama 40 tahun. Saya sudah melalui pelbagai pergolakan dalam politik dan pernah 'dibuang' daripada Kabinet sebanyak dua kali (pada 1982 dan 1999). Tapi saya tidak terkilau dan menganggapnya sebagai lumrah dan takdir saya dalam politik.

BH: Boleh Tan Sri menceritakan latar belakang pembabitan awal Tan Sri dalam politik?

Mohamed: Saya menyertai politik secara kebetulan bukan kerana ia cita-cita. Saya bercita-cita menjadi arkitek tapi tidak kesampaian kerana gagal mendapat biasiswa untuk melanjutkan pengajian di bidang itu walaupun mendapat gred 1 aliran sains tulen pada 1956, berikutan berlaku diskriminasi ketika itu.

Selepas merdeka saya mendapat tawaran ke Indonesia di bawah perjanjian Kebudayaan Malaysia-Indonesia dengan mereka menawar lima tempat untuk pelajar Malaysia di Universiti Indonesia dan saya salah seorang yang terpilih.

Malangnya selepas saya balik, ijazah saya tidak diiktiraf walaupun sebelum pergi Kementerian Pelajaran memberi jaminan akan mengiktiraf ijazah berkenaan. Saya pernah menjadi guru sementara di Sekolah Menengah King Edward Taiping dan penulis skrip Filem Negara, tapi ijazah saya tidak diiktiraf langsung.

Pada 1964 akhirnya saya ditawarkan menjadi Setiausaha Politik Menteri Pengangkutan ketika itu dan saya fikir inilah mungkin hidup saya yang sebenar, dalam bidang politik.

Mulai saat itu saya tidak pernah menoleh ke belakang, menjadi calon pada 1969 dan 30 tahun menjadi Ahli Parlimen, tidak pernah kalah bertanding. Saya pernah menjadi Setiausaha Politik, Setiausaha Parlimen, Timbalan Menteri, Menteri dan Duta Besar Malaysia ke Indonesia.

BH: Sepanjang berkhidmat di bawah lima Perdana Menteri, apakah cabaran terbesar yang dihadapi oleh Tan Sri?

Mohamed: Cabaran terbesar bagi saya ialah ketika kita hendak hidupkan Umno Baru, selepas Umno dibatalkan pendaftarannya pada Februari 1988. Pada ketika itu memang keadaan cukup payah, Melayu berpecah belah, Umno terumbang ambing dan saya pula diberikan tugas berat untuk menghidupkan Umno baru.

Kita menghadapi cabaran cukup berat hendak meyakinkan orang ramai bahawa Umno itu masih relevan. Hasil kesungguhan dan kesabaran kita, akhirnya semakin ramai yang mendaftar dan kuat semula Umno.

Saya hanya diberikan RM274 untuk memulakan Umno baru, hasil kutipan sumbangan pada mesyuarat penaja Umno Baru yang pertama. Pada waktu itu Umno diharamkan dan semua akaun dibekukan.

Saya gunakan kebijaksanaan saya untuk mencari duit bagi menggerakkan semula Umno Baru. Saya kena kerja boleh dikatakan 24 jam sehari untuk tempoh hampir setahun sehinggalah akhirnya kita berjaya mewujudkan satu daftar besar ahli Umno berjumlah 2.7 juta ahli.

Pembatalan Umno adalah peristiwa paling hitam dalam sejarah politik saya. Saya ingat lagi, Dr Mahathir, Tun Ghafar Baba dan saya terpaksa menunggu di luar sementara BN memutuskan sama ada akan menerima semula permohonan Umno Baru untuk menyertai semula BN.

BH: Apakah pula peristiwa paling manis bagi Tan Sri sepanjang 40 tahun berjuang dalam politik?

Mohamed: Tentunya apabila Umno diterima semula dalam BN dan bila Semangat 46 dibubarkan pada 1996. Itu bagi saya paling manis dan besar paling besar maknanya kerana kita dapat kembali menyatukan Melayu. Kita dapat melupakan perbalahan untuk bersatu demi kepentingan Melayu.

BH: Bagaimana Tan Sri boleh bertahan begitu lama dalam politik, tidak pernah kalah pada tujuh pilihan raya dan menjadi ketua bahagian Umno Pulau selama 35 tahun tanpa dilawan. Apakah rahsia kejayaan Tan Sri?

Mohamed: Kesabaran. Saya tidak pernah melatah dalam menghadapi cabaran dalam politik. Saya telan semua yang maung dan anggap ia sebagai takdir. Kita perlu ingat rakyat menilai kita dan kita tidak boleh kata diri kita betul sepanjang masa. Tapi kalau kita sabar, akhirnya kebenaran akan

timbul.

Saya pun hairan bagaimana saya boleh bertahan selama 40 tahun dalam politik. Pada usia 30 tahun saya menjadi ketua bahagian dan bertahan di situ selama 35 tahun tanpa dilawan oleh sesiapaupun.

Saya fikir sudah cukuplah. Lama sangat orang akan benci. Pergi waktu orang ingat, jangan pergi waktu orang dah benci.

BH: Bagaimana Tan Sri melihat kedudukan BN pada ketika ini dan peluang BN pada pilihan raya umum akan datang?

Mohamed: Saya fikir BN di bawah kepemimpinan Pak Lah cukup kuat pada masa sekarang. Kalau dulu kita ada masalah antara komponen parti terutama krisis MCA dan Gerakan, tapi sekarang nampaknya sudah selesai. Mereka sudah mula bekerjasama.

Mungkin ada masalah sedikit di Sarawak, tapi saya percaya ia boleh diselesaikan sebelum pilihan raya umum diadakan. Bagi saya yang penting dalam menyelesaikan krisis dalaman parti komponen ialah sikap give and take.

Saya yakin kita boleh kekalkan kemenangan dua pertiga dalam kerajaan. Apa yang mustahak sekarang ialah kita bekerja kuat untuk menawan semula Kelantan dan Terengganu.

BH: Pandangan Tan Sri terhadap pembangkang sekarang. Apakah mereka mampu menggugat BN pada pilihan raya akan datang?

Mohamed: Pembangkang sebenarnya lemah sekali. Pas misalnya fikir mereka boleh menggantikan kedudukan Umno sebagai parti untuk orang Melayu.

Pas fikir mereka boleh bekerjasama dengan bukan Melayu tapi dari segi hakikinya mereka tidak boleh.

BN diterima oleh rakyat kerana kerajaan BN menjiwai hasrat mereka. Mereka tidak boleh terima Pas kerana sesetengah dasar parti itu melenyapkan hak asasi manusia. Ini bagi bukan Melayu penting sekali.

Tapi dalam mengatakan kita kuat, jangan pula kita leka, sebab ada target tertentu Pas pada hari ini. Pada pilihan raya akan datang mereka sudah memasang angan-angan menawan Kedah. Umno Kedah dan BN Kedah perlu bekerja kuat untuk mempertahankan kedudukan mereka. Jangan berbalah sesama kita, kerana pembangkang hanya menunggu untuk mengambil kesempatan.

BH: Apakah nasihat Tan Sri kepada pemimpin Umno dan BN?

Mohamed: Jangan berebut jawatan dan gila kuasa kerana nak jadi kaya. Kita perlu setia kepada parti dan soal faedah serta kawan jangan dijadikan keutamaan. Parti kuat kerana ahlinya yang setia. Tanpa kesetiaan ahli, parti akan bergolak. Sentiasa ingat bahawa orang kampung tahu siapa kita dan asal usul kita.